

SULIT

21/1
Sejarah
Ogos 2008
(1¼ jam)



JABATAN PELAJARAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
PENILAIAN TINGKATAN TIGA NEGERI SEMBILAN 2008

SEJARAH

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **60** soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D** atau tiga pilihan jawapan yang berhuruf **A, B,** dan **C**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Fikir dengan teliti apabila memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.

Kertas jawapan ini mengandungi 23 halaman bercetak.

SULIT

2

21/1

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Pilih **satu** jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- 1 Dua sumber sejarah yang utama ialah sumber primer dan sumber sekunder.
Antara berikut yang manakah merupakan sumber primer?

- A Laporan
- B Diari
- C Buku
- D Majalah

Negeri	Kawasan
Pahang Perak	Sungai Tembeling Cangkat Menteri

- 2 Jadual di atas berkenaan dengan petempatan zaman prasejarah.

Nyatakan jenis logam yang digunakan oleh masyarakat ini?

- I timah
 - II batu
 - III besi
 - IV gangsa
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 3 Zaman prasejarah yang wujud di Malaysia ialah


- I Zaman Mesolitik
 - II Zaman Paleolitik
 - III Zaman Neolitik
 - IV Zaman Logam
- A 1, 11 dan 111
 - B 1, 11 dan 1V
 - C 1, 111 dan 1V
 - D 11, 111 dan 1V



- 4 Gambar di atas merupakan bukti kewujudan sebuah kerajaan awal di Asia Tenggara.

Kerajaan tersebut ialah

- A Funan
- B Angkor
- C Chih Tu
- D Majapahit



- 5 Rajah di atas menggambarkan antara ciri-ciri penting sebuah kerajaan maritim.

Siapakah raja kerajaan ini?

- A Hayam Wuruk
- B Raja Guatama
- C Kaundinya
- D Suryavarman II

SULIT

4

21/1

- 6 Parameswara sebagai pengasas kerajaan Melaka telah banyak berjasa membangunkan Melaka.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan olehnya ialah

- I mewujudkan sistem pemerintahan yang teratur
- II menyediakan kemudahan pelabuhan
- III memohon bantuan tentera negara China
- IV mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar

- A 1, 11 dan 111
- B 1, 11 dan 1V
- C 1, 111 dan 1V
- D 11, 111 dan 1V



- 7 Rajah di atas ialah struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

Struktur pentadbiran ini dikenali sebagai Sistem

- A Adat Tempatan
- B Pentadbiran Segi Tiga
- C Adat Temenggung
- D Pembesar Empat Lipatan

- 8 Syahbandar memainkan peranan yang penting dalam perdagangan Melaka.


Nyatakan pilihan yang tepat tugas-tugas Syahbandar pada zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka.

- I menguruskan cukai
- II hakim di pelabuhan
- III hakim di darat
- IV ketua angkatan laut

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

21/1

SULIT



9 Fakta di atas berkaitan dengan sejarah tanah air negara kita.

Siapakah tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dengan peristiwa di atas?


- I Sultan Muzaffar Shah
 - II Lopez de Sequeira
 - III Sultan Mahmud Shah
 - IV Alfonso de Albuquerque
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Cukai yang tinggi, peraturan dan sekatan perdagangan yang ketat oleh Portugis menyebabkan pelabuhan Melaka merosot.

10 Pernyataan di atas berkaitan dengan kebangkitan sebuah pusat perdagangan baru di Asia Tenggara.

Di manakah pusat perdagangan tersebut?


- A Perlak
- B Bentan
- C Jambi
- D Aceh



11 Senarai di atas berkaitan dengan nama-nama yang dipanggil kepada sebuah negeri dalam kerajaan Melayu yang tua.

Negeri X ialah?


- A Kelantan
- B Kedah
- C Perak
- D Pahang



12 Rajah di atas menunjukkan barang dagangan yang diperdagangkan pada zaman kegemilangan kerajaan Terengganu.

Apakah X?

- A Buah pala
- B Emas
- C Gambir
- D Tebu



13 Rajah di atas merupakan sebahagian daripada masyarakat yang tinggal di negeri X.

Apakah adat yang diamalkan oleh masyarakat di negeri X?

- A Adat Temenggung
- B Adat Bugis
- C Adat Melayu
- D Adat Perpatih

Sultan Melaka :	Sebagai ketua hakim, beta mahu Datuk Bendahara jatuhkan hukuman yang setimpal terhadap semua pencuri tersebut.
Bendahara :	Ampun tuanku, segala titah tuanku akan patik laksanakan.

14 Berdasarkan perbualan di atas, undang-undang manakah yang akan dirujuk oleh Bendahara?


- A Hukum Kanun Melaka
- B Hukum Karma Vijaya
- C Undang-undang Laut Melaka
- D Undang-undang Syariah

Etnik	Perayaan / Kebudayaan
Melanau	Ipok
Iban	Gawai
Melayu	Bergendang

15 Senarai di atas tentang perayaan dan kebudayaan etnik di Sarawak.


Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat di atas?

- A Banyak perayaan yang disambut di Sarawak
- B Penduduk Sarawak terdiri daripada pelbagai kaum
- C Kepercayaan yang sama diamalkan oleh penduduk
- D Banyak pelancong yang melawat Sarawak



16 Kaum apakah yang mengamalkan budaya di atas?

- A Bajau
- B Suluk
- C Murut
- D Kadazandusun



- 17 Rajah di atas menunjukkan bahawa Kedah menghadapi ancaman daripada ketiga-tiga kuasa besar tersebut pada kurun ke – 18

Keadaan ini telah menyebabkan Kedah

- A memohon perlindungan daripada kerajaan Aceh
- B memohon bantuan ketenteraan daripada pihak Perak
- C memohon bantuan daripada pihak Inggeris
- D menandatangani perjanjian sulit dengan pihak Belanda

Tahun	Peristiwa
1826	Penubuhan Negeri-Negeri Selat

- 18 Berdasarkan rajah di atas, apakah alasan British bertindak demikian?

- A Meluaskan jajahan British
- B Mengawal pentadbiran
- C Menguasai ekonomi Tanah Melayu
- D Memudahkan pembangunan ekonomi

Pada tahun 1873, pedagang Negeri-Negeri Selat menulis surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan British bagi mendesak British untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu.

- 19 Pada pendapat anda, apakah sebab utama campur tangan British di negeri-negeri Melayu?

- A Timbulnya permusuhan antara kuasa-kuasa barat
- B Pedagang India dan China ditindas
- C Usaha kuasa barat lain untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu
- D Perebutan kuasa di kalangan sultan dan pembesar

- 20 British berminat terhadap Pahang tetapi tidak mendapat peluang untuk campur tangan.

Pada pendapat anda mengapakah Sultan Ahmad enggan menerima Residen British sehingga tahun 1888?

- A Kekuatan pahlawan Pahang memberi keyakinan kepada Sultan Ahmad
- B Sultan Ahmad dan pembesar Pahang tidak mahu Pahang hilang kedaulatan.
- C Pahang adalah negeri yang paling besar
- D Sultan Abu Bakar dari Johor melindungi Pahang

Pada 1 Julai 1896, negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang disatukan menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau Persekutuan 1896.

21 Sejauh manakah pembentukan Persekutuan telah mencabar kewibawaan sultan-sultan?

- I Sultan dikehendaki menurut nasihat Residen Jeneral dalam pentadbiran
 - II Sultan hanya berkuasa dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu
 - III Jabatan kerajaan diketuai oleh pegawai Inggeris dan Melayu
 - IV Residen Jeneral berkuasa ke atas soal kewangan
- A 1, II dan III
 - B 1, II dan IV
 - C 1, III dan IV
 - D II, III dan IV

Perjanjian Pengisytiharan British – Siam telah ditandatangani pada tahun 1902

22 Implikasi daripada perjanjian ini ialah


- A Negeri-Negeri Melayu Utara dibenarkan memberi konsesi kepada kuasa asing
- B Pembesar Siam dilantik menjadi Penasihat Sultan di Negeri-Negeri Melayu Utara
- C British dapat menghalang kuasa barat lain daripada meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu
- D Siam berkuasa penuh di Negeri-Negeri Melayu Utara

Tahun	Peristiwa
1867 – 1873	Perang Kelang
1871 – 1873	Perang Saudara di Perak
1873 - 1874	Kekacauan di Sungai Ujung

23 Ketiga-tiga peristiwa di atas mempunyai beberapa persamaan.

Apakah persamaan tersebut?

- I Penguasaan kawasan perladangan
 - II Penglibatan pihak Inggeris
 - III Perebutan takhta kerajaan
 - IV Penguasaan kawasan perlombongan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV



- 24 Peta di atas merupakan peta lengkap yang pertama bagi negeri Johor. Siapakah yang melukis peta negeri tersebut?
- A Dato' Jaafar bin Hj Muhammad
 - B Dato' Abdul Rahman bin Andak
 - C Dato' Muhammad Salleh bin Perang
 - D Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

Tahun	Peristiwa
1841	Menandatangani perjanjian antara Pangeran Muda Hashim dengan James Brooke
1874	Menandatangani Perjanjian Pangkor

- 25 Berdasarkan jadual di atas, apakah kesan daripada peristiwa itu?
- A Penjajah dapat menguasai ekonomi tempatan
 - B Penjajah dapat menguasai jalan perdagangan ke China
 - C Penjajah dapat menyeragamkan pentadbiran di tanah jajahannya
 - D Penjajah berjaya menghapuskan pemberontakan penduduk tempatan
- 26 Siapakah pembesar Melayu di Sarawak yang menentang kezaliman Pangeran Indera Mahkota?
- A Syarif Masahor
 - B Abdul Mu'min
 - C Datu Patinggi Ali
 - D Pangeran Muda Hashim

Syarat pemberian piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad.

27 Pernyataan di atas mengenai Piagam Diraja pada tahun 1881.

Bagaimanakah piagam tersebut dapat melindungi hak rakyat Sabah?

- I Memelihara agama
 - II Melindungi adat resam
 - III Mengamal undang-undang tempatan
 - IV Memodenkan sistem pentadbiran tradisi
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- Syarikat Berpiagam Borneo Utara tidak boleh menjual wilayah Sabah tanpa persetujuan kerajaan British.
- Hubungan luar Sabah diletakkan di bawah kuasa kerajaan British.

28 Maklumat di atas ialah sebahagian daripada syarat yang ditetapkan oleh kerajaan British kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU).

Mengapakah kerajaan British berbuat demikian?


- I Meluaskan kuasanya di Sabah
 - II Menghalang kuasa lain bertapak di Sabah
 - III Memajukan perlombongan di Sabah
 - IV Melindungi kebajikan penduduk Sabah
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri

29 Pernyataan di atas berkaitan dengan sekolah di Sabah.

Mengapakah sekolah tersebut ditubuhkan?

- A Menghapuskan buta huruf
- B Mendapat sokongan rakyat
- C Meningkatkan taraf hidup rakyat
- D Mewujudkan pegawai tadbir rendah



30 Rajah di atas menunjukkan perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu. Apakah faktor X?

- A Kemasukan modal luar
- B Mempunyai buruh tempatan
- C Mendapat galakan pembesar
- D Pertambahan pelabur tempatan

Perkembangan Kawasan Penanaman Getah	
Tahun	Ekar
1901	5,965
1904	19,239
1908	240,000
1912	642,000

31 Jadual di atas menunjukkan peningkatan kawasan penanaman getah di Tanah Melayu.

Mengapakah berlaku peningkatan tersebut?

- A Kerajaan British menurunkan cukai
- B Tanaman lain diserang penyakit
- C Galakan daripada pembesar tempatan
- D British memindahkan ladang getah dari Brazil

Penduduk P : Saya dapati bandar-bandar di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang semakin bersih
Penduduk D : Oh, ini mesti disebabkan oleh penubuhan X

32 Dialog di atas mungkin berlaku pada tahun 1890an.

X pada dialog tersebut ialah

- A Hospital Kerajaan
- B Lembaga Kesihatan
- C Pusat Kesihatan Kecil
- D Institut Penyelidikan Perubatan

<ul style="list-style-type: none"> • Kebangkitan Tok Janggut • Kebangkitan Dato' Bahaman • Kebangkitan Haji Abdul Rahman Limbong

33 Senarai di atas menunjukkan tokoh pahlawan tanah air.

Apakah ciri persamaan tokoh-tokoh tersebut?

- A Berjuang menentang British
- B Pejuang terkorban
- C Menentang cukai tanah
- D Mendapat bantuan Siam

Orang Murut
<ul style="list-style-type: none"> • Dilarang menebang hutan • Dipaksa membina jalan di pedalaman • Dikenakan cukai

34 Rajah di atas berkaitan dengan peristiwa penentangan di Sabah.

Apakah peristiwa tersebut?

- A Penentangan Rentap
- B Penentangan Mat Salleh
- C Penentangan Antanom
- D Penentangan Sharif Masahor

Penulis	Novel
<ul style="list-style-type: none"> • Ishak Hj Muhammad • Harun Aminurashid 	<ul style="list-style-type: none"> • Putera Gunung Tahan • Melor Kuala Lumpur

35 Jadual di atas menunjukkan penulis novel di Tanah Melayu.

Apakah mesej yang terkandung dalam novel tersebut?


- A Mewujudkan perpaduan antara kaum
- B Memodenkan pelajaran orang Melayu
- C Memajukan perniagaan orang Melayu
- D Membangkitkan kesedaran kebangsaan

“... mengingatkan mereka yang lalai dan menjangakan mereka yang tidur dan menunjukkan mereka yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebaikan ...”

36 Petikan di atas merupakan tujuan akhbar Al-Imam diterbitkan.

Antaranya ialah

- I menyeru orang Melayu berpegang kepada al-Quran dan hadis
 - II menekankan pentingnya ilmu pengetahuan untuk mencapai kemajuan
 - III menekankan tentang pentingnya ilmu akhirat sahaja
 - IV menitikberatkan pengetahuan sejarah kerana banyak iktibar yang boleh dipelajari
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV



37 Kapal perang British “Repulse” dan “Prince of Wales” ditenggelamkan oleh tentera udara Jepun pada 10 Disember 1941.

Berdasarkan peta di atas di lokasi manakah peristiwa itu berlaku?

- A Langkawi
- B Kelang
- C Singapura
- D Kuantan

Koa Kunrenjo
Abang Haji Openg Kapten Muhd. Salleh Haji Sulaiman Dr. Burhanuddin al-Helmy Dato' Onn bin Jaafar

38 Tokoh-tokoh di atas terlibat secara langsung dengan pemerintahan Jepun.

Dalam bidang apakah pembabitan mereka ini?

- A Pentadbiran awam Jepun
- B Pasukan tentera Jepun
- C Pasukan perisikan Jepun
- D Gerakan anti-Jepun

Orang Melayu dan Orang India	Dilayan dengan baik
Orang Cina	Dilayan dengan kasar

39 Mengapakah Jepun melakukan pemerintahan yang berbeza terhadap kaum-kaum di Tanah Melayu?

- A Jepun lebih berkuasa dalam bidang pentadbiran berbanding British
- B Jepun mahu kaum ini berbaik-baik antara satu sama lain
- C Jepun mempunyai kepentingan berbeza-beza terhadap sesuatu kaum
- D Jepun tidak mahu membazirkan wang dalam pentadbirannya

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menguasai balai polis dan pentadbiran kerajaan • Melakukan keganasan • Mengenakan cukai yang tinggi |
|---|

40 Apakah tindakan British untuk mengatasi keadaan di atas selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

- A Menubuhkan Force 136
- B Melaksanakan Pentadbiran Tentera British
- C Menjalankan Pentadbiran Malayan Union
- D Memperkenalkan Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu

Menyokong Malayan Union	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Parti Komunis Malaya ▪ Malayan Democratic Union ▪ Golongan imigran
-------------------------	--


41 Mengapakah golongan di atas menyokong penubuhan Malayan Union?

- A Mudah mendapat kerakyatan
- B Ditawarkan dengan pelbagai hadiah dan pekerjaan
- C Dihantar balik ke negara asal dengan percuma
- D British memberikan layanan yang baik

Penubuhan UMNO adalah hasil daripada perpaduan orang Melayu menentang Malayan Union

42 Apakah perjuangan Parti UMNO pada awal penubuhannya iaitu tahun 1946?

- I Menggesa orang Melayu menentang Parti Komunis Malaya
 - II Memperjuangkan ketuanan Melayu
 - III Memajukan pendidikan orang Melayu
 - IV Menggagalkan pemerintahan Jepun di Tanah Melayu
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV



43 Mengapakah British bersetuju dengan Penubuhan X?

- I Untuk mewujudkan perpaduan kaum
 - II Supaya kaum lain berpeluang menjadi warganegara
 - III Bimbang Parti Komunis Malaya mempengaruhi orang Melayu
 - IV Mengelakkan orang Melayu menentang British secara kekerasan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- \$350.00
- satu beg beras

44 British akan membayar wang dan memberi makanan kepada pihak tertentu.

Siapakah yang akan menerima hadiah berkenaan?

- A Tentera Jepun yang menyerah diri kepada British
- B Penduduk yang tidak menentang Malayan Union
- C Orang kampung yang memberi maklumat tentang komunis
- D Anggota MPAJA yang menyerahkan senjata kepada British

Syarat kewarganegaraan dilonggarkan pada tahun 1952 oleh Sir Gerald Templer
1.2 juta orang Cina 180 ribu orang India


- 45 Mengapakah golongan imigran sukar menjadi warganegara sebelum ini?
- A Terhalang oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - B British menghalang mereka menjadi warganegara
 - C Ditentang oleh raja-raja dan orang Melayu
 - D Mereka tidak berminat tinggal di Tanah Melayu

Sir Harold Rowdon Briggs ialah Pengarah Operasi Rancangan Briggs

- 46 Sir Harold Rowdon Briggs telah berjaya melumpuhkan gerakan Min Yuen.
Apakah tindakannya yang membawa kepada kejayaan itu?
- A Menghantar pemimpin Cina balik ke China
 - B Mengharamkan Parti Komunis Malaya
 - C Menempatkan setinggan Cina ke kampung baru
 - D Mengisytiharkan pengampunan beramai-ramai

Sekolah Cina dibina oleh pihak persendirian dan parti-parti politik
Sekolah Tamil dibina oleh pihak ladang sebagai satu tanggungjawab sosial

- 47 Maklumat di atas adalah berkaitan dengan pembinaan sekolah Cina dan sekolah Tamil di Tanah Melayu sebelum merdeka.
Apakah persamaan antara kedua-dua sekolah tersebut?
- I Sukatan pelajaran dan tenaga pengajar berasaskan negara asal
 - II Tenaga pengajar dan buku-buku teks dibawa dari negara asal
 - III Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib
 - IV Dikawal rapi oleh British melalui Undang-undang Buruh 1912
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV



48 Semua laporan pelajaran tersebut dikeluarkan sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Mengapakah laporan pelajaran itu dikeluarkan?

- A Menghapuskan sekolah vernakular
- B Merancang kurikulum sekolah menengah
- C Merangka perlembagaan pendidikan negara
- D Membentuk sistem pendidikan kebangsaan

Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 buah kerusi dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1956

49 Apakah faktor penting yang membawa kemenangan besar Parti Perikatan dalam pilihan raya tersebut?

- I Manifesto pilihan raya yang dapat diterima umum
 - II Setiap parti yang bertanding memperjuangkan hak kaum masing-masing
 - III Semangat untuk mencapai kemerdekaan yang berkobar-kobar
 - IV Kesanggupan setiap kaum berkongsi kuasa dalam politik negara
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV



50 Gambar di atas menunjukkan peristiwa menandatangani Perjanjian London 1956.

Apakah kesan utama perjanjian tersebut kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu?

- A Kuasa Inggeris di Tanah Melayu dapat dikurangkan
- B Pengembalian kuasa kepada pemerintah tempatan
- C Ekonomi Tanah Melayu akan berkembang dan maju
- D Sultan akan menjadi pemerintah negara

- Dato Panglima Bukit Gantang
- Abdul Aziz Othman
- Dato' Mohd. Seth
- Dato' Nik Ahmed Kamil

51 Senarai di atas merupakan antara ahli rombongan kemerdekaan ke London pada tahun 1956.

Mereka mewakili

- A Parti Perikatan
- B Orang Melayu
- C Raja-raja Melayu
- D Jemaah Menteri

52 Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibuat dengan penuh gemilang di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Apakah kesan langsung pengisytiharan kemerdekaan ini terhadap Tanah Melayu?

- A Tamatnya penguasaan politik dan ekonomi British di Tanah Melayu
- B Perniagaan British di Tanah Melayu diambil alih oleh penduduk tempatan
- C Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu tidak lagi bergantung pada tentera British
- D Menandakan kebebasan politik mutlak bagi Persekutuan Tanah Melayu

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Rosli Dhobi • Awang Rambli • Morshidi Sidek • Bujang Suntong |
|---|

53 Semua tokoh di atas telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh pentadbiran British di Sarawak pada tahun 1949.

Mengapakah mereka dijatuhkan hukuman tersebut?

- A Bekerjasama membunuh Sir Duncan Steward
- B Menghasut penduduk membenci British
- C Memulaukan pelantikan Gabenor Sarawak
- D Mengetuai rakyat menentang Pekeliling No. 9

<p>Penyerahan Sarawak kepada British mendapat bantahan daripada orang Melayu dan orang Iban. Gerakan antipenyserahan ini turut disertai oleh kakitangan kerajaan.</p>

54 Apakah tindakan yang diambil oleh British untuk melemahkan gerakan antipenyserahan itu?

- I Membatalkan penubuhan Young Malay Association (YMA)
 - II Mengadakan rundingan damai dengan pemimpin-pemimpin tempatan
 - III Mengeluarkan Pekeliling No. 9 kepada kakitangan kerajaan
 - IV Melaga-lagakan orang Melayu dengan orang Dayak
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Rukun Tiga Belas dianggotai oleh ahli-ahli Barisan Pemuda Melayu Sibul yang radikal.

55 Apakah matlamat utama penubuhan Rukun Tiga Belas ?

- A Mengambil alih dan menguasai pentadbiran British di Sarawak
- B Melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap British
- C Memperjuangkan hak istimewa penduduk pribumi di Sarawak
- D Menghapuskan pemimpin Melayu yang menyokong penyerahan Sarawak

Sejak tahun 1950, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan British ke arah berkerajaan sendiri di Sabah. Antaranya ialah meminda perlembagaan negeri Sabah pada tahun 1960.

56 Mengapakah kerajaan British meminda perlembagaan tersebut?

- A Menambah bilangan pemimpin kaum bumiputera dalam Majlis Undangan
- B Membolehkan British memajukan ekonomi dan sosial negeri Sabah
- C Perlembagaan yang sedia ada menyebabkan British kurang berkuasa
- D Membolehkan pilihan raya umum diadakan di negeri Sabah

Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan gagasan Persekutuan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961, melibatkan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.

57 Pernyataan di atas merujuk kepada cadangan awal Tunku Abdul Rahman untuk mewujudkan Gagasan Malaysia.

Apakah tujuan penubuhan gagasan tersebut?


- I Memajukan ekonomi
 - II Menyekat pengaruh kuasa asing
 - III Menyekat kegiatan komunis
 - IV Menamatkan pemerintahan British
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Suruhanjaya Cobbold yang membuat tinjauan di Sabah dan Sarawak telah menerbitkan laporannya pada 1 Ogos 1962.

58 Maklumat di atas merujuk kepada peranan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Cobbold berhubung penyertaan Sabah dan Sarawak dalam Gagasan Malaysia.

Apakah rumusan hasil laporan tersebut?

- A Sebahagian besar pemimpin di Sabah dan Sarawak menentang pembentukan Malaysia
- B Majoriti rakyat Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia
- C Pembentukan Malaysia hanya mendapat sokongan daripada rakyat biasa
- D Sabah dan Sarawak ingin mendapat kemerdekaan dahulu sebelum menyertai Malaysia



59 Semua negara di atas memberikan reaksi terhadap Gagasan Malaysia.

Apakah alasan Filipina menentang Gagasan Malaysia?

- A Presiden Macapagal mendakwa Sabah merupakan sebahagian daripada Filipina
- B Filipina telah terpengaruh dengan hasutan fahaman komunis
- C Presiden Macapagal mendakwa Sabah dan Sarawak adalah tanah jajahannya
- D Filipina tidak mahu Sabah menyertai Gagasan Malaysia

Selepas Pilihan Raya 1964, hubungan antara Kerajaan Pusat Kuala Lumpur dengan Singapura menjadi tegang.

60 Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan di atas?

- A Singapura tidak diberi kuasa autonomi seperti Sabah dan Sarawak
- B Singapura menentang hak istimewa orang-orang Melayu
- C Singapura ingin menguasai parti-parti politik di Malaysia
- D Singapura enggan membayar cukai kepada kerajaan Pusat

KERTAS SOALAN TAMAT



**SKEMA JAWAPAN
PENILAIAN TINGKATAN TIGA NEGERI SEMBILAN 2008
SEJARAH 21/1**

1		B		
2			C	
3				D
4		B		
5	A			
6		B		
7				D
8	A			
9			C	
10				D
11		B		
12		B		
13				D
14	A			
15		B		
16				D
17			C	
18		B		
19				D
20		B		
21			C	
22			C	
23				D
24			C	
25	A			
26			C	
27		B		
28	A			
29				D
30	A			

31	A			
32		B		
33	A			
34			C	
35				D
36		B		
37				D
38	A			
39			C	
40		B		
41	A			
42		B		
43			C	
44				D
45	A			
46			C	
47	A			
48				D
49			C	
50		B		
51			C	
52				D
53	A			
54			C	
55				D
56	A			
57			C	
58		B		
59	A			
60		B		

Jumlah A = 15

B = 16

C = 15

D = 14